



SIARAN AKHBAR
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Pemeriksaan bersepadu di antara JPES dan SDT memastikan perniagaan di
Daerah Belait menjalankan perniagaan yang beretika**

Tarikh: 31hb Oktober 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan pemeriksaan bersepadu bulanan di Pasaraneka Kuala Belait dan premis-premis perniagaan di Daerah Belait.
2. Semasa pemeriksaan bersepadu dijalankan, dua (2) buah premis perniagaan didapati menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Pihak JPES telah mengeluarkan sebanyak dua (2) tawaran kompaun berjumlah masing-masing \$500 kepada Fairoddin Sdn Bhd (Fairos Mart) atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk minyak masak dan kesalahan tidak memaparkan tanda harga dengan jelas. Satu (1) Notis Amaran juga telah dikeluarkan kepada Syarikat Jaya Hypermart Sdn Bhd atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk minyak masak dan susu tepung anak damit.
3. Manakala, pihak Unit SDT telah mengeluarkan satu (1) Notis Penyitaan ke atas pemilik alat sukat dan timbang iaitu bagi kesalahan mansuh pendaftaran dan alat berkenaan turut dirampas selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151, Peraturan-Peraturan Penelitian 1994 Bab 3 (1) dan (2). Dua (2) Notis Peringatan juga diberikan ke atas syarikat yang gagal mempamerkan tanda berat bersih ke atas produk-produk berbungkus.

4. Para peniaga yang menjalankan aktiviti jualan di pasar ikan dan sayur telah diarahkan untuk sentiasa memaparkan tanda harga pada barang-barangan yang dijual bagi memupuk ketelusan harga dan memberi pilihan kepada pengguna. Turut dikongsikan kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja pembungkus di premis-premis perniagaan mengenai tatacara membungkus dan menimbang berat bersih produk-produk dengan betul.
5. Pihak JPES dan Unit SDT ingin menasihatkan kepada para peniaga agar sentiasa peka dan mematuhi undang-undang yang sedia ada. Ini adalah penting bagi membantu dalam mewujudkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika untuk menyumbang kepada penggunaan domestik yang berdaya tahan dan mampan.
6. Disamping itu, orang ramai juga adalah disarankan untuk menggunakan saluran-saluran rasmi bagi sebarang aduan dan pertanyaan lanjut seperti berikut:
 - a) **Akta Kawalan Harga, Penggal 142** – Jabatan Hal Ehwal Pengguna di JPES melalui Talian Darussalam 123 (TD123), aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.
 - b) **Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151** – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui sdt@mofe.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi